



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 FEBRUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI BERI JAMINAN EMPAT BULAN STABILKAN HARGA AYAM, BEKALAN TELUR, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SUPPLY OF CHICKEN, EGGS TO STABILISE IN 4 MONTH, MAKKAL OSAI -ONLINE	
3.	TEMPOH 4 BULAN STABIL KEMAMPUAN PENGELUARAN, NASIONAL, BH -5	
4.	BERI MASA EMPAT BULAN, LOKAL, HM -9	
5.	MAFI BERI JAMINAN 4 BULAN STABIL HARGA AYAM, BEKALAN TELUR, NEGARA, KOSMO -4	
6.	BERI TEMPOH EMPAT BULAN MAKSIMUMKAN KEMBALI PENGELUARAN AYAM, TELUR - MAFI, NASIONAL, SH -11	
7.	EMPAT BULAN STABIL HARGA AYAM, BEKALAN TELUR, DALAM NEGERI, UM -3	
8.	CHICKEN AND EGG SUPPLY TO STABILISE IN FOUR MONTHS, NATION, THE STAR -11	
9.	USAHAWAN TANI RAYU BANTUAN MAFI, HM -ONLINE	
10.	BEKALAN AYAM SEJUK BEKU IMPORT DIJANGKA MULAI APRIL, NASIONAL, BH -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	MARINE POLICE IDENTIFY ROUTES USED TO SMUGGLE FOREIGNERS, NATION, THE STAR -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	SASAR 1,000 ANGGOTA CDERT FAMA TAHUN DEPAN, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	NANYANG SIANG PAU -ONLINE	
14.	MINISTER: ISSUING AP TO IMPORT CHICKEN IS A TEMPORAY POLICY, CHINA PRESS -ONLINE	
15.	AGROBANK PERLUAS AGEN PERBANKAN KECIL DI MASJID, HARAKAH DAILY -ONLINE	AGROBANK
16.	AGROBANK SUSUN STRATEGI LUAS PERKHIDMATAN, EKONOMI, UM -35	
17.	ANAK AYAM PUN NAIK HARGA, LOKAL, HM -9	LAIN-LAIN
18.	HARGA DEDAK, ANAK AYAM TERUS MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -30	
19.	GUNA DRON TINGKAT HASIL SAWAH PADI, DALAM NEGERI, UM -32	
20.	HYDROPONIC FARM DRAWING CROWDS, EVENTS, THE STAR -7	
21.	'COSTLY FERTILISER MAY AFFECT HARVEST', NEWS, THE STAR -4	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI beri jaminan empat bulan stabilkan harga ayam, bekalan telur



RONALD Kiandee (kiri) dan Abd. Latiff Ahmad (tiga dari kiri) pada Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan FAMA (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA, Port Dickson hari ini.- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

PORT DICKSON: [Kementerian Pertanian dan](#)

[Industri Makanan](#) (MAFI) memberi jaminan untuk menstabilkan harga ayam dan bekalan telur ayam yang mencukupi dalam tempoh empat bulan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ia berikutan ternakan ayam mengambil masa tempoh 35 hingga ke 40 hari untuk matang dan boleh dijual.

“Atas jaminan itu, pihak kementerian perlu kerjasama dengan pihak industri kerana antara faktor kenaikan adalah harga dedak dan kerajaan telah menyahut keperluan pihak industri bagi menampung kos dedak sebelum ini.

“Sejak dua minggu lalu, pihak industri dalam proses kerjasama dengan pihak berkaitan bagi menampung keperluan industri ini yang mengalami kenaikan dan MAFI beri jaminan ini untuk menstabilkan dalam tempoh empat bulan kerana ternakan ayam mengambil 35 hingga 40 hari,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pesuruhjaya APM, Aminurrahim Mohamed.

Menurut Ronald lagi, pihak kementerian sebelum ini telah memaklumkan bahawa penternak akan menerima subsidi sebanyak 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat, dan 5 sen bagi sebiji telur ayam tanpa mengira kategori.

“Subsidi sebanyak 60 sen harga ayam hidup itu bagi menampung kenaikan harga dedak oleh pihak industri dan bagi memaksimumkan kapasiti pengeluaran serta menstabilkan harga seperti sedia kala,” katanya.

Dalam pada itu, susulan kekurangan ayam dan telur ayam itu pihaknya telah memberi kebenaran kepada individu, syarikat dan pasar raya untuk membawa masuk ayam bulat beku dari luar.

“Pihak kementerian juga membuat libat urus dengan pengusaha, penternak dan untuk meningkatkan kapasitas pengeluaran dalam memastikan bekal ayam dan telur mencukupi,” katanya. -UTUSAN ONLINE



16 FEB, 2022

Supply of chicken, eggs to stabilise in 4 months

Makkai Osai, Malaysia

Page 1 of 2

கோழி, முட்டை உற்பத்தியை அதிகரிக்க 4 மாதம் அவகாசம்

போர்ட்டிக்சன், பிப். 16-
உற்பத்தியை
அதிகரிப்பதற்கு கோழி
வளர்ப்பு மேலும் கோழி
முட்டை தொழில்துறைக்கு
அரசாங்கம் நான்கு மாதக் கால
அவகாசம் வழங்கியிருக்கிறது.
முன்பைப்போலவே
இத்தொழில்துறை மீண்டும்
ஓர் உந்துசக்தியுடன்
செயல்பட வேண்டும் என்று
விவசாயம், விவசாய உணவுத்
தொழில்துறை அமைச்சர்
டத்தோ ரொனால்டு கியாண்டி
வலியுறுத்தினார்.

கோழி விநியோகத்தை
மீண்டும் அதிகரித்து
நிலைப்படுத்துவதற்குக் கடந்த
பிப்ரவரி 5ஆம் தேதி முதல்
ஒரு கிலோ கோழி தீவனத்திற்கு
அரசாங்கம் 60 சென் உதவித்
தொகையை மானியமாக
வழங்கி வருவதையும் அவர்
சுட்டிக்காட்டினார்.

இந்த மானிய உதவித்
தொகையானது கோழி மேலும்
கோழி முட்டை விநியோகத்தை
அதிகரிக்க உதவியாக இருக்கும்
என்றும் அவர் நம்பிக்கை
தெரிவித்தார். இத்தொழில்துறை
எதிர்நோக்கும் பிரச்சினை



களுக்கு அரசாங்கம் செவிசாய்த்து
வருவதோடு கோழி வளர்ப்பில்
செலவு அதிகரித்திருப்பதால்
அதனால் ஏற்பட்ட பாதிப்புகளை
எதிர்கொள்ள அரசாங்கம்
அவர்களுக்குத் தேவையான
உதவிகளை வழங்குவதற்கு
இந்நடவடிக்கையை
முன்னெடுத்துள்ளதாகவும்
அமைச்சர் குறிப்பிட்டார்.

இங்கு நெகிரி செம்பிலான்,
போர்ட்டிக்சனில் உள்ள
ஃபாமா பயிற்சிக் கழகத்தில்
நடைபெற்ற நிகழ்ச்சி ஒன்றில்
பேசிய ரொனால்டு கியாண்டி,
உற்பத்தியைப் பெருக்குவதற்கு
அரசாங்கம் 4 மாதக் கால
அவகாசம் வழங்கியிருக்கிறது
என்றார்.



16 FEB, 2022

Supply of chicken, eggs to stabilise in 4 months

Makkal Osai, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ஓர் உந்துசக்தியுடன் போர்ட்பிக்சன் , பிப் . 16- உற்பத்தியை அதிகரிப்பதற்கு கோழி வளர்ப்பு மலும் கோழி மாட்டை தொழில்துறைக்கு அரசாங்கம் நான்கு மாதக் கால அவகாசம் வழங்கியிருக்கிறது. முன்பைப்போலவே இத்தொழில்துறையீண்டும் செயல்பட வணீண்டும் என்று விவசாயம் , விவசாய உணவாத் தொழில்துறை அமைச்சர் டத்தோ ரொனால்டு கியாண்டி வலியுறுத்தினார் . கோழி விநியோகத்தை மீண்டும் அதிகரித்து நிலைப்படுத்துவதற்குக் கடந்த பிப்ரவரி 5ஆம் ததேதி முதல் , ஓர் கிலோ கோழி தீவனத்திற்கு அரசாங்கம் 6௫ சன் உதவித் தொகையை மானியமாக வழங்கி வருவதையும் அவர் சூட்டிக்காட்டினார் .

Isu bekalan ayam

Tempoh 4 bulan stabil kemampuan pengeluaran

Pemberian subsidi tampung implikasi kenaikan kos ayam, telur

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Kerajaan memberi tempoh empat bulan kepada pengusaha industri ternakan ayam dan telur tempatan, untuk memaksimumkan semula kapasiti pengeluaran masing-masing seperti sedia kala.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata

ia susulan pemberian subsidi 60 sen per kilogram (kg) dedak kepada penternak ayam berkuat kuasa 5 Februari lalu yang diharapkan dapat menstabilkan semula bekalan.

"Kita baharu saja mengumumkan pemberian subsidi dan sedang dalam proses libat urus dengan pihak industri.

"Kerajaan mendengar masalah dihadapi dan telah ambil tindakan yang perlu bagi menampung sedikit implikasi kenaikan kos pengeluaran ayam negara dan harapnya tindakan pemberian subsidi oleh kerajaan itu dapat mengembalikan semula pengeluaran ayam dan telur seluruh negara.

"Kita bagi tempoh empat bulan kepada mereka kerana untuk menernak ayam memerlukan tempoh antara 35 hingga 40 hari," ujarnya.



Ronald (dua dari kiri) selepas majlis pelancaran Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu APM di Institut Latihan FAMA, Port Dickson, semalam.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

Beliau memberitahu media selepas majlis pelancaran Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA, di sini, semalam.

Ronald berkata, pengeluaran ayam tempatan sebenarnya mencukupi, tetapi berdepan masalah kebelakangan ini disebabkan beberapa faktor yang kerajaan kini sedang berusaha selesaikan.

Katanya, langkah kerajaan

menambah bekalan import ayam bulat dari luar negara juga hanya bersifat sementara bagi menampung kekurangan bekalan.

"Selepas keadaan kembali stabil, kita akan hentikan (import) dan ia bergantung kepada kapasiti pengeluaran pihak industri dan keperluan semasa.

"Selama ini, kita hanya import keratan ayam saja dan harapnya pihak industri akan sama-sama membantu untuk menstabilkan semula pengeluaran ayam dan telur," katanya.

Selain itu katanya, pihak industri juga diharapkan dapat

menyahut seruan kerajaan untuk menceburi projek tanaman jagung untuk makanan haiwan bagi mengatasi isu dedak import mahal.

"Kita di Kementerian menggalakkan jagung ditanam di negara kita bagi mengimbangi permintaan penternak ayam dan kita harap ada industri yang menyahut seruan kerajaan seperti tanaman lain sawit, agar jagung juga diusahakan.

"Kita juga sudah memberi subsidi sebanyak 0.60 sen kepada sekilo dedak bagi membantu rakyat dan mengawal kenaikan harga ayam dan telur," katanya.

Bekalan ayam sejuk beku import dijangka mulai April

Kuala Lumpur: Bekalan ayam bulat sejuk beku yang diimport empat pasar raya besar negara ini, dijangka memasuki pasaran tempatan seawal April ini, bagi menampung kekurangan bekalan makanan terbit, selain menyediakan pilihan pada harga lebih rendah kepada pengguna.

Isa susulan kebenaran diberikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kepada empat pasar raya besar iaitu Mydin, Lulu, NSK dan Lotus, untuk mengimport ayam sejuk beku dari beberapa negara sumber serta menjualnya terus kepada pengguna di seluruh negara.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin, berkata pihaknya kini dalam proses mendapatkan pembekal yang boleh mengimport ayam berkenaan.

"Kami berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ke-

rana memberi peluang kepada Mydin sebagai di antara empat pasar raya besar yang dibenarkan mengimport ayam bulat.

"Berikutan kami baru sahaja menerima Permit Import (AP) itu dan sekarang sedang mencari pembekal dari luar negara. Jadi kami jangkakan, sekurang-kurangnya lagi dua bulan, bekalan akan dibawa masuk ke negara ini," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad

Harnzah dilaporkan berkata, empat pasar raya besar di negara ini sudah diberi kebenaran oleh JPV untuk mengimport ayam bulat sejuk beku.

Empat pasar raya itu diberi AP import ayam sejuk beku itu bagi menampung permintaan pengguna di negara ini, sekali gus dapat menstabilkan harga ketika ini.

Mengenai harga jualan ayam sejuk beku itu sebaik dipasarkan di negara ini, Ameer memberi jaminan, ia akan dijual pada harga lebih murah berbanding



Mydin antara pasar raya besar yang diberi kebenaran untuk mengimport ayam sejuk beku dan menjualnya terus kepada pengguna di premis.

(Foto hiasan)

Kami berterima kasih kepada MAFI kerana memberi peluang kepada Mydin sebagai di antara empat pasar raya besar yang dibenarkan mengimport ayam bulat



Ameer Ali Mydin,
Pengarah Urusan Mydin

ding harga kawalan ditetapkan.

Bagaimanapun, beliau berharap pengguna tidak terkeliru di antara ayam bulat dan ayam standard kerana harga keduanya adalah berbeza.

"Ayam standard merujuk kepada ayam dengan kepala, kaki serta organ dalaman dan dijual pada harga RM8.90 sekilogram ketika ini, manakala ayam bulat adalah ayam bersih dijual tanpa kepala, kaki dan organ lain. Harga ayam ini RM9.90 sekilogram, mahal sedikit berbanding

ayam standard," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap kerajaan membenarkan pasar raya mengimport ayam sejuk beku dalam bentuk keratan.

"AP yang diberi kepada pasar raya hanya ayam bulat sahaja, kenapa tidak diberi AP untuk import keratan sekali sebab harga di pasaran mahal.

"Kami berharap dapat juga mengimport keratan dan boleh menjualnya pada harga yang murah kepada pengguna," katanya.



MAJLIS Pelancaran Penubuhan Sokongan Tindakan Bebas Kecemasan Fama (CDERT Fama) di Institut Latihan Fama.

Gambar: NSTP/ AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@bumetro.com.my

Puri Dickson

Kerajaan memberi tempoh empat bulan kepada pihak industri ternakan ayam dan telur untuk memaksimumkan semula kapasiti pengeluaran seperti sedia kala.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiang, berkata, pemberian subsidi ayam dan 5 sen bagi sebilang telur kepada penternak ayam berkuasa 5 Februari lalu diharap dapat menubuhkan semula bekalan.

"Kita baruu saja mengumumkan pemberian subsidi dan sedang dalam proses libat urus dengan pihak industri."

"Kerajaan mendengar masalah dihadapi dan mengambil tindakan perlu bagi

Beri masa empat bulan

Tempoh industri ternakan ayam untuk maksimum semula kapasiti pengeluaran

menampung sedikit implikasi kenaikan kos pengeluaran ayam negara.

"Diharapkan pemberian subsidi itu dapat mengembalikannya semula pengeluaran ayam dan telur seluruh negara dan kita bagi tempoh empat bulan kepada mereka kerana untuk menternak ayam memerlukan tempoh antara 35 hingga 40 hari," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan Tin-

tidak Balas Kecemasan Lembaran Pemasaran Pertanian Persekutuan (CDERT Fama) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Berserkutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan Fama, di sini, semalam.

Beliau berkata, pengeluaran ayam ditempatkan sebenarnya mencukupi, tetapi berdepan masalah kebelakangan ini disebabkan beberapa faktor yang sedang diselesaikan.

Menurutnya, langkah ke-

rajaan menambah bekalan import ayam bulat dari luar negara hanya bersifat sementara bagi menampung kekurangan bekalan.

"Selepas keadaan kembali stabil, kita hentikan dan ia bergantung kepada kapasiti pengeluaran pihak industri dan keperluan semasa."

"Selama ini, kita hanya import keratan ayam saja dan harapnya pihak industri akan sama-sama membantunya untuk stabilkan semula pengeluaran ayam dan telur," katanya.

Anak ayam pun naik harga...

Kuala Lumpur: Kenaikan harga anak ayam sejak beberapa minggu ini memusnahkan penternak dengan sebahagian besar mereka mendakwa terbeban dengan kos yang tinggi.

Seorang daripadanya yang hanya mahu dikenali Ismail, 50-an, mendakwa harga anak ayam meningkat berperingkat hingga RM2.50 sejak seminggu lalu.

"Sebelum ini, harga anak ayam sekitar RM2 tetapi ia terus meningkat dengan yang terbaharu naik 30 sen sekor daripada RM2.20 ke RM2.50.

"Untuk pengetahuan, anak ayam yang kami belakan 100 peratus hidup, kadang-kadang hanya 90 peratus yang hidup," kata-

nya ketika dihubungi, semalam.

Ismail meminta agar kerajaan mempertimbangkan kawalan harga ke atas anak ayam selain ayam proses bagi mengelak monopoli syarikat besar.

"Apa yang saya harap adalah tindakan diambil pihak berkuasa supaya penternak tidak terus terbeban dengan peningkatan harga anak ayam," katanya.

Sementara itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Datuk Jeffrey Ng berkata, pihaknya dimaklumkan pembekal

menaikkan harga anak ayam kepada RM2.50 sekor, semalam yang menyebabkan ramai penternak tertekan.

MAFI beri jaminan 4 bulan stabil harga ayam, bekalan telur

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

PORT DICKSON – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan menstabilkan harga ayam dan bekalan telur ayam yang mencukupi dalam tempoh empat bulan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, ia berikutan ternakan ayam mengambal masa tempoh 35 hingga ke 40 hari untuk matang dan boleh dijual.

"Atas jaminan itu pihak Kementerian perlu kerjasama dengan pihak industri kerana antara faktor kenaikan adalah harga dedak dan kerajaan telah menyahtut keperluan pihak industri bagi menampung kos dedak sebelum ini."

"Sejak dua minggu lalu, pihak industri dalam proses kerjasama dengan pihak berkaitan bagi menampung keperluan industri ini yang mengalami kenaikan dan MAFI beri jaminan ini untuk menstabilkan dalam tempoh empat bulan kerana ternakan ayam mengambil 35 hingga 40 hari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan Tindakan Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelanti-



RONALD (kiri) pada Majlis Pelancaran Penubuhan CDERT FAMA dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu API di Institut Latihan FAMA, Port Dickson semalam.

kan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas Khas) Datuk Dr. Abd. Latif Ahmad, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pesuruhjaya APM, Amirurrahim Mohamed.

Menurut Ronald lagi, pihak Kementerian sebelum ini telah memaklumkan bahawa penternak akan menerima subsidi sebanyak 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat, dan 5 sen bagi sebijik telur ayam tanpa mengira kategori.

"Subsidi sebanyak 60 sen harga ayam hidup itu bagi menampung kenaikan harga dedak oleh pihak industri dan bagi memaksimumkan kapasiti pengeluaran serta menstabilkan harga seperti sedia kala," katanya.

Dalam pada itu, susulan kekurangan ayam dan telur ayam itu pihaknya telah memberi kebenaran kepada individu, syarikat dan pasar raya untuk membawa masuk ayam bulat beku dari luar.

"Pihak Kementerian juga membuat libat urus dengan pengusaha, penternak dan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi," katanya.

Beri tempoh empat bulan maksimumkan kembali pengeluaran ayam, telur - MAFI

PORT DICKSON - Kerajaan memberi tempoh empat bulan kepada pihak industri ternakan ayam untuk memaksimumkan semula kapasiti pengeluaran seperti sedia kala.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee berkata, ia susulan pemberian subsidi 60 sen sekilogram ayam kepada penternak berkuat kuasa 5 Februari lalu yang diharapkan dapat menstabilkan semula bekalan.

"Kita baru saja mengumumkan pemberian subsidi dan sedang dalam proses libat urus dengan pihak industri.

"Kerajaan mendengar masalah dihadapi dan telah ambil tindakan yang perlu bagi menampung sedikit implikasi kenaikan kos pengeluaran ayam negara dan diharapkan tindakan pemberian subsidi oleh kerajaan itu dapat kembalikan semula pengeluaran ayam dan telur negara.

"Kita bagi tempoh empat bulan kepada mereka kerana untuk menernak ayam memerlukan tempoh antara 35 hingga 40 hari," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan



Ronald (kiri) beramah mesra dengan anggota CDERT FAMA pada Selasa.

Tindak Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Menurutnya, pengeluaran ayam tempatan mencukupi namun berdepan masalah sejak beberapa faktor yang sedang ditangani oleh kerajaan.

Jelas beliau, langkah kerajaan menambah bekalan import ayam

bulat dari luar negara juga harusnya bersifat sementara bagi menampung kekurangan bekalan.

"Selepas keadaan kembali stabil, kita akan hentikan dan ia bergantung kepada kapasiti pengeluaran pihak industri.

"Selama ini kita hanya import keratan ayam sahaja dan harapnya pihak industri akan sama-sama membantu untuk stabilkan semula pengeluaran ayam dan telur," katanya.

Selain itu katanya, pihak industri juga diharapkan dapat menyahut seruan kerajaan untuk menceburi projek tanaman jagung untuk makanan haiwan bagi mengatasi isu dedak import mahal.

16/2/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

8

Empat bulan stabil harga ayam, bekalan telur

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan untuk menstabilkan harga ayam dan bekalan telur ayam dalam tempoh empat bulan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ia berikutan ternakan ayam mengambil masa tempoh 35 hingga ke 40 hari untuk matang dan boleh dijual.

“Atas jaminan itu, pihak Kementerian perlu kerjasama dengan pihak industri kerana antara faktor kenaikan adalah harga dedak dan kerajaan telah menyahut keperluan pihak

industri bagi menampung kos dedak sebelum ini.

“Sejak dua minggu lalu, pihak industri dalam proses kerjasama dengan pihak berkaitan bagi menampung keperluan industri ini yang mengalami kenaikan dan MAFI beri jaminan ini untuk menstabilkan dalam tempoh empat bulan kerana ternakan ayam mengambil 35 hingga 40 hari,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas Majlis Pelancaran Penubuhan Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) (CDERT FAMA) dan Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Institut Latihan FAMA, di sini semalam.

Menurut Ronald, pihak Kementerian sebelum ini telah memaklumkan bahawa penternak akan menerima subsidi sebanyak 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat, dan 5 sen bagi sebiji telur ayam tanpa mengira kategori.

“Subsidi sebanyak 60 sen harga ayam hidup itu bagi menampung kenaikan harga dedak

oleh pihak industri dan bagi memaksimumkan kapasiti pengeluaran serta menstabilkan harga seperti sedia kala,” katanya.

Dalam pada itu, susulan kekurangan ayam dan telur ayam itu pihaknya telah memberi kebenaran kepada individu, syarikat dan pasar raya untuk membawa masuk ayam bulat beku dari luar.

“Pihak Kementerian juga membuat libat urus dengan pengusaha, penternak dan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi,” katanya.

Chicken and egg supply to stabilise in four months

PORT DICKSON: The supply of chicken and egg is expected to stabilise in the next four months to meet domestic demand, says Agriculture and Food Industries (Mafi) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

This follows various incentives and subsidies provided to industry players especially poultry farmers, which would ease their burden in the face of rising costs including raw materials, he added.

"The government has taken action to cover some of the implications of the increase in the production cost.

"We give it four months, (farming) chickens take 30 to 40 days, so it needs to take some time (for the supply to stabilise)," he told Bernama after attending the Federal Agricultural Marketing Authority's Emergency Response Support Team training programme yesterday.

On Feb 9, the government had agreed to provide a subsidy of 60sen per kg to poultry farmers, by taking into account the farm-level price of live chickens at RM5.90 per kg and the retail price of standard chicken at RM8.90 per kg; as well as a five sen subsidy for each egg from all categories until June 4.

In the meantime, Ronald reiterated that the government's move to allow the import of whole chickens was temporary to address the issue of supply shortage in the country until it stabilises.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Usahawan tani rayu bantuan MAFI



ZULKIFLI memberi makan kambing yang terselamat daripada bencana banjir di Kampung Ramuan Cina Kecil, Masjid Tanah. FOTO Hassan Omar

Masjid Tanah: Usahawan tani daerah ini merayu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) segera menyalurkan bantuan untuk mangsa banjir pada Disember lalu.

Ini kerana sejak banjir pada 18 Disember itu, mereka belum menerima sebarang bantuan, sekali gus menghadapi kesukaran untuk bangkit semula dengan modal sendiri.

Pengusaha ladang integrasi, Zulkifli Othman, 55, berkata, beliau dan usahawan tani lain amat memerlukan sumbangan itu bagi mendapatkan anak ayam kampung, anak ikan keli, arnab dan benih cili padi selepas ia musnah.

"Alhamdulillah, saya bersyukur apabila MAFI mengumumkan akan memberikan bantuan kepada peladang, penternak dan nelayan bagi membolehkan 'Wira Agro' bangkit semula.

"Bagaimanapun, hingga sekarang saya masih menanti sumbangan itu," katanya ketika ditemui di ladangnya di Kampung Ramuan Cina Kecil, di sini, hari ini.

Banjir pada 18 Disember lalu menyebabkan Zulkifli kerugian RM100,000 selepas 2,000 ayam kampung dan 100 itik pedaging mati, selain 4,000 ikan keli dalam kolam terlepas, lebih 50 arnab terkorban dan 1,200 polibeg cili padi musnah.

Berikutan itu, Zulkifli mencuba bangkit semula dengan menggunakan baki modal masih ada sementara menunggu bantuan daripada kerajaan.

Katanya, tanpa bantuan MAFI, beliau dan usahawan tani lain sukar untuk memulakan operasi kerana ia membabitkan dana besar.

Pada awal Januari lalu, Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah dilaporkan berkata, kajian rambang MAFI mencatatkan kira-kira 5,500 peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara yang dilabelkan sebagai 'Wira Agro' mengalami kerugian kira-kira RM69 juta.

MAFI menyediakan RM100 juta melalui Dana Bangkit Semula Keluarga Agro, selain Tabung Bencana melalui Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) sebanyak RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebanyak RM12 juta.

Marine police identify routes used to smuggle foreigners

By R. SEKARAN

rsekaran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: For a fee of between RM1,500 and RM2,000, illegal immigrants from Indonesia are able to easily enter the country via "laluan tikus" or illegal routes at sea.

Marine Police Region One commander Asst Comm Shamsol Kassim said the routes were discovered after 165 Indonesians were detained as they tried to slip into the country via the waters off Selangor.

Investigations revealed the illegal immigrants, who were smuggled in during the wee hours of the

"All were arrested in the waters off Sungai Buloh, Tanjung Karang and Sungai Serdang in Selangor are being held for further investigation," he said during a press conference at the marine police base in Batu Uban yesterday.

ACP Shamsol said four boats valued at RM900,000 were also seized during the operations.

He said that the "laluan tikus" were difficult to locate as they were quite far from the marine bases or monitoring agencies, making it a tough task to monitor these sea routes.

"It takes syndicates four to five hours to bring in illegal immigrants,

"The absence of monitoring in

these sea routes makes it easier for them to smuggle in the people.

"Popular routes were between Klang in Selangor and Hutang Melintang in Perak through modified fishing boats which can accommodate between 100 and 200 people.

"There is a demand for such illegal immigrants now since most of the economic sectors have reopened, especially in the domestic and farming sectors," said ACP Shamsol.

He added that the Marine Police Region One's jurisdiction stretched from the waters in Selangor up to Langkawi, where the sea routes are constantly monitored

for illegal activities.

Meanwhile, the Marine Police also seized contraband cigarettes and liquor worth RM3.36mil during raids in Langkawi, Penang, Perak and Selangor during the recent Chinese New Year festival.

"Two cars, a motorcycle and a lorry were also seized with the cases probed under the Customs Act 1967.

"Marine police also took action against 52 trawlers who have been carrying out their activities along the waters of Kedah, Penang, Perak and Selangor.

"These cases are being investigated under the Fisheries Act 1985," added ACP Shamsol.

"They were promised jobs upon arrival into the country."

Asst Comm Shamsol Kassim

morning, paid between RM1,500 and RM2,000 to syndicates.

"They were promised jobs upon arrival into the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Sasar 1,000 anggota CDERT FAMA pada tahun depan



Abd Latiff (depan tengah) dan Ronald (depan dua dari kanan) bergambar bersama anggota CDERT FAMA dan penerima watakah pelantikan Pegawai Bersekutu APM di Institut Latihan FAMA pada Selasa.

PORT DICKSON - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan seramai 1,000 kakitangannya menyertai Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) FAMA

menjelang tahun hadapan.

Penubuhan pasukan berkenaan bagi meningkatkan peranan FAMA bagi memastikan Jaminan Bekalan Makanan Negara mencukupi ketika berlakunya bencana atau krisis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abd Latiff Ahmad berkata, penubuhan CDERT FAMA dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sejak November tahun lalu itu diharap dapat menambah baik imej kerajaan dan agensi terlibat.

"Perkongsiannya antara dua agensi ini amat baik kerana apabila berlaku bencana, perkara awal yang akan kita fikirkan selain proses menyelamatkan nyawa dan harta benda adalah makanan.

"Selama ini FAMA sememangnya bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) berkenaan isu makanan dan bila FAMA terlibat sendiri, mereka tahu bagaimana mahu mengurus di peringkat komuniti kerana agensi itu ada di merata tempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas majlis Pelancaran CDERT FAMA dan Penyampaian Watakah Pelantikan Pegawai Bersekutu APM di Institut Latihan FAMA di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Ketua Pesuruhjaya APM, Aminurrahim Mohamed.

Abd Latiff (tengah) menyaksikan Aminurrahim (dua dari kiri) menyampaikan Watakah Pelantikan Pegawai Bersekutu APM kepada penerima.



Sementara itu Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, sehingga ini seramai 240 kakitangannya telah menganggotai CDERT FAMA.

Ujarnya, FAMA tidak mahu ketinggalan untuk bersama kerajaan secara lebih aktif dalam membantu ketika bencana.

"Kerajaan juga telah memberi peruntukan kepada FAMA untuk membina pusat-pusat penyimpanan, bilik-bilik sejuk, depoh dan logistik bagi penyimpanan untuk pengedaran barang-barang makanan.

"Dengan cara ini kita berharap dapat bersama-sama APM membantu operasi bencana kerana kepakaran kita ialah dari segi penyimpanan dan pengedaran makanan," katanya.

Jelasnya, anggota CDERT FAMA juga akan mendaftar sebagai sukarelawan APM di peringkat daerah masing-masing.

Zainal berkata, secara tidak langsung mereka akan jadi sebahagian anggota APM dalam memberikan khidmat masyarakat terutama ketika bencana.

"Baru-baru ini kakitangan FAMA yang sudah mengikuti latihan siri pertama dan kedua turut bersama anggota APM membantu mangsa banjir di Jelebu baru-baru ini.

"Selepas ini kita (FAMA) akan menyusun di setiap negeri organisasi kakitangan yang sudah terlatih bagi mencapai objektif 1,000 anggota menyertai latihan ini," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2022	NANYANG SIANG PAU	ONLINE	

要聞

农长预计4个月内 稳定鸡肉蛋供应

2022年02月15日



罗纳建迪（左）和阿都拉迪夫（左二）与民防部队紧急反应支援成员交流。

（波德申15日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士指出，肉鸡和鸡蛋供应预计可在4个月内稳定下来。

他说，政府已提供业者包括畜牧者各种奖掖和津贴，以稳定肉鸡及鸡蛋供应产量，并减轻业者面对原料等成本上涨负担。

他是于今日出席联邦农业销售局紧急反应支援队成立仪式后，在记者会上，这么表示。出席者有首相署（特别事务）部长拿督阿都拉迪夫博及民防局最高委员阿米鲁拉欣。

罗纳建迪披露，上周宣布新津贴及正在与业者安排，政府聆听业者所面对的问题，以及采取行动承担国家食品供应生产成本增加所带来的影响。

他说，农业部已与业者和鸡农会谈，他们保证会像过去增加肉鸡和鸡蛋供应产量，以迎合国家需求。

“给予4个月期限，主要是养鸡需要30至40天，所以需要一些时间稳定肉鸡及鸡蛋供应。”

“内阁在本月9日同意为鸡农提供津贴，活鸡每公斤津贴60仙及鸡蛋每粒津贴5仙，直至6月4日。”

他强调，政府允许肉鸡和鸡蛋供应发放入口准证（AP）的措施只是暂时性，直到市场供应稳定。



16 FEB, 2022

Minister: Issuing AP to import chicken is a temporary policy

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

部長：發全雞AP屬臨時政策

（芦骨15日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪强调，有关全鸡进口准证（AP）措施，只是国家为了应付国内肉鸡短缺的问题而采取的临时政策。

他说，在国内肉鸡供应回稳后，全鸡进口准证将会被停止，而业者也已同意将会提高最大化的国内肉鸡生产量，以让国内肉鸡供应回稳。

他说，其实国内肉鸡供应是足够的，只是在过去数月，政府发现肉鸡出现短缺情况，为了稳定供应，政府采取了临时进口全鸡的政策，以应付供应链。

政府補貼為期4個月

他说，政府除了开放相关入口准证（AP）持有者申请全鸡进口准证；之前进口商只准进口鸡翅、鸡腿和鸡只其他部位；政府也容许霸级市场获准鸡只入口准证。

罗南建迪是于今早在联邦农业销售局（FAMA）波德申训练中心，出席该局在民防局配合下成立紧急反应支援部队仪式后，在记者会上如此披露。出席者包括首

相署（特别事务）部长拿督阿都拉迪夫、大马民防局最高委员阿米鲁拉欣等。

他说，政府已就国内鸡蛋及肉鸡价格给了补贴，为期4个月（从2月5日起至6月4日），主要目的是要稳住国内的鸡蛋及肉鸡的价格，让人民可以以合理的价格购得，因为目前的鸡蛋及肉鸡的价格已超过大马一家顶价计划的价格。

他说，目前每公斤肉鸡补贴是60仙，每粒鸡蛋的补贴是5仙，这些补贴也是为了协助国内养鸡业者在饲料价格上涨后面对的亏损。

另一方面，询及政府是否有意在国内鼓励种植玉米时，他说，政府鼓励人民参与玉米种植，但这取决于业者是否会响应。



■ 罗南建迪：
全鸡进口准证（AP）措施只是一项临时性政策。



16 FEB, 2022

Minister: Issuing AP to import chicken is a temporary policy

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

部長：發全雞AP屬臨時政策

(芦骨IS日訊) 农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪强调，有关全鸡进口准证(AP)措施，只是国家为了应付国内肉鸡短缺的问题而采取的临时政策。他说，在国内肉鸡供应回稳后，全鸡进口准证将会被停止，而业者也已同意将会提高最大化的国内肉鸡生产量，以让国内肉鸡供应回稳。他说，其实国内肉鸡供应是足够的，只是在过去数月，政府发现肉鸡出现短缺情况，为了稳定供应，政府采取了临时进口全鸡的

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Agrobank perluas agen perbankan kecil di masjid



PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengadakan pameran di kawasan pedalaman di seluruh negara bagi membolehkan petani dan peladang mendapat informasi berkaitan pelbagai bantuan disediakan kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 11 Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pameran itu akan dilaksanakan secara berperingkat

oleh agensi yang berkaitan.

Katanya petani yang tinggal di kawasan pedalaman akan didedahkan berkaitan bantuan pertanian jangka pendek dan panjang disediakan agensi di bawah MAFI.

“Agensi-agensi berkaitan juga diarahkan membantu petani bagi memudahkan mereka mendapat bantuan terutama tunjuk ajar mengisi borang permohonan bantuan.

“Usaha itu sebelum ini sudah dilaksanakan Agrobank dengan mempamer kejayaan melahirkan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS),” katanya selepas merasmikan Pelancaran Agrobank & Komuniti 2022 di Pertubuhan Peladang Cherang Rotan di sini, hari ini.

Turut hadir anggota Exco kerajaan negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Pada program tersebut Agrobank turut menyampaikan bantuan zakat berjumlah RM50,000 kepada 230 pelajar dan sumbangan RM10,000 kepada dua masjid.

Selain itu menyampaikan surat tawaran pembiayaan kepada lima pelanggan Agrobank memabitkan peruntukan RM1.4 juta.

Dalam perkembangan berkaitan Tengku Ahmad Badli berkata, tahun ini pihaknya akan mewujudkan Unit Bank Bergerak untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan pedalaman terutamanya di Jeli dan Gua Musang.

“Di samping itu Agrobank juga bercadang menubuh cawangan baru. Langkah tersebut sebagai usaha tambahan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk yang tinggal di kawasan terpencil,” ujarnya.

Selain itu katanya Agrobank akan memperluaskan lagi agen perbankan kecil di masjid-masjid dan koperasi untuk menyediakan perkhidmatan menyimpan dan mengeluarkan wang dalam jumlah yang kecil. – HARAKAHDAILY 15/2/2022

Agrobank susun strategi luas perkhidmatan

PASIR PUTEH: Agrobank menyusun pelbagai strategi bagi membolehkan lebih ramai penduduk luar bandar, khususnya di lokasi tiada kemudahan perbankan menikmati pelbagai perkhidmatan ditawarkan pihaknya.

Antara yang bakal dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan dan permintaan lokaliti ialah menambah bilangan cawangan dan kiosk serta melantik lebih banyak ejen Agrobank.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden dan Ketua Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Hussin berkata, setakat ini Agrobank memiliki sebanyak 135 cawangan, 65 kiosk serta 87 ejen bank di seluruh negara.

"Strategi terbaharu Agrobank bagi meluaskan perkhidmatan kita ialah mewujudkan ejen kewangan di masjid dan mana-mana koperasi bagi memudahkan



TENGGU AHMAD BADLI SHAH HUSSIN (KIRI) dan NIK MUHAMMAD ZAWAWI (KANAN) melancarkan Program Agrobank dan Komuniti di Cherang Rotan, Pasir Puteh, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

kan orang ramai menyimpan atau mengeluarkan wang simpanan dalam skala kecil.

"Kita juga merancang untuk mewujudkan perlindungan

caran Agrobank dan Komuniti Tahun 2022 di Cherang Rotan, di sini hari ini.

Pelancaran program itu disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Mengulas lanjut, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pihaknya turut berkolaborasi dengan Bank Negara untuk mewujudkan bank bergerak Agrobank di kawasan pedalaman di Kelantan seperti di Jeli, Gua Musang dan Dabong dalam masa terdekat.

"Sebagai bank yang memahami keperluan dalam sektor pertanian, Agrobank menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan holistik seperti pembiayaan mikro, komersial dan korporat khusus untuk membantu meningkatkan tahap sosioekonomi serta sektor pertanian negara," ujarnya.

16/2/2022

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Harga dedak, anak ayam terus meningkat

ALOR SETAR: Harga dedak dan anak ayam terus meningkat sehingga 45 peratus sekali gus meresahkan penternak terutama menjelang Ramadan serta Aidilfitri.

Penternak, Jaffri Ahmad, 57, berkata, harga dedak mengalaminya kenaikan RM2 setiap kampak bagi 50 kilogram dan anak ayam kini naik sehingga RM2.50 seekor ekor berbanding RM2.20 seekor sebelum ini.

"Harga dedak meningkat setiap bulan, belum berhenti lagi sejak Oktober 2020. Kenaikan RM1 sehingga RM3 sebulan. Dedak sehingga kini meningkat 45 peratus.

"Harga anak ayam pun terus meningkat. Bekalan anak ayam untuk pengeluaran Ramadan ini sudah kena tempah sekarang

tetapi kemelut ayam ini masih berterusan dan tidak menentu," katanya di sini semalam.

Jaffri yang juga Presiden dan Pengasas Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) berkata, peningkatan kos dan harga ayam yang jauh di bawah kos menyebabkan penternak kerugian.

Tambahnya, faktor kenaikan kos itu harus diambil kira dalam kemasukan anak-anak ayam ke ladang agar golongan penternak tidak menanggung kerugian.

"Kami penternak masih menanti langkah kerajaan menangani kemelut ini. Langkah mengimport ayam, nanti bertembung pula dengan ayam kita ternak.

"Langkah subsidi ini nak bayar macam mana? Harga siling ayam sudah ditetapkan sehingga Jun ini," katanya.



JAFFRI Ahmad melihat anak ayam di salah sebuah ladang ternakan ayam miliknya di Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/JAMLI AH ABDULLAH

16/2/2022

UTUSAN

DALAM

MALAYSIA

NEGERI

32

Guna dron tingkat hasil sawah padi

BUTTERWORTH: Penggunaan kaedah teknologi terkini seperti perkhidmatan dron kini mengubah landskap pertanian konvensional mampu menjamin hasil pengeluaran makanan dengan lebih optimum selain dapat menjaga pendapatan.

Muhammad Safwan Abu Hasan, 32, berkata, permulaan menyebarkan racun menggunakan dron di petak sawah padi miliknya di Permatang Nibong, dekat sini sejak 2019 membuka lembaran baharu kepadanya untuk menjadikan perkhidmatan menyebarkan racun, baja dan benih padi sebagai pendapatan tetap.

Katanya, dia menggunakan dron jenis Agras T16 DJI bernilai RM54,000 selepas mendapati banyak kelebihan dari segi penjimatan tenaga manusia dan paling utama dapat risiko terhadap kesihatan.

"Jika menggunakan tenaga manusia untuk menyebarkan

15 minit," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di bendang sawah berhampiran Tanah Liat, Kubang Semang, di sini malam.

Kata bapa kepada seorang anak itu, penggunaan dron dapat mengurangkan risiko kesihatan ke atas pesawah yang sebelum ini terdedah dengan racun yang digunakan secara langsung yang boleh mendatangkan kesan kepada kulit, mata dan sebagainya.

"Racun dibancuh sendiri dengan memasukan ke dalam tangki (16 liter) dan selebihnya akan dilakukan oleh dron," katanya yang mempunyai latar belakang pendidikan di Politeknik Seberang Perai dalam jurusan kejuruteraan mekanikal.

Muhammad Safwan menambah, sebelum memulakan aktiviti menyebarkan racun, baja, mahupun benih padi, dia akan membuat pemetaan petak sawah terlebih dahulu.

Kerja-kerja itu katanya, meli-

batkan jumlah kadar racun serta masa penyemburan yang dilakukan secara automatik menggunakan kemudahan internet jaringan tanpa wayar (Wifi) dan titik panas pada telefon pintar.

Tambahnya, dari segi cabaran pula, apabila melibatkan cuaca tidak menentu seperti hujan lebat, ia akan merencatkan kerja penyemburan kerana dikhuatiri merosakkan sistem elektronik dron jika terkena air.

"Selain itu, jika terdapat banyak pokok besar mahupun tiang elektrik pada petak sawah serta keadaan awan tebal juga akan menyukarkan proses pemetaan kerana mengganggu sensor dron.

"Ini memaksa kita melakukan semburan secara manual bagi memastikan kesemua kawasan petak sawah mendapat semburan racun, baja dan benih dengan sekata," katanya yang turut ditemani isterinya Shamila Shabarudin, 27.



MUHAMMAD SAFWAN ABU HASAN, 32 menjadikan perkhidmatan menyebarkan racun, baja dan benih padi menggunakan dron jenis Agras T16 DJI yang berharga RM54,000 sebagai pendapatan tetap.

tabur baja mahupun benih padi hektar.

boleh mengambil masa selama satu jam untuk kehuasan satu petak sawah padi iaitu kira-kira 0.6 masa selama 10 minit hingga ke



Mohd Ashraf tending to his vegetables grown using simple hydroponic techniques. — Bernama

Hydroponic farm drawing crowds

RESIDENTS in Perlis don't have to travel far to a highland resort to choose and pick fresh vegetables now that a hydroponic farm has been set up in Kampung Tengah Abi, Kangar.

Since news of the farm went viral on social media, visitors have been streaming in non-stop.

Mohd Ashraf Shuib, 40; who has been developing the 0.2ha Abi Agro farm since 2017, said the overwhelming response encouraged him to improve the business.

"Some visitors have referred to the farm as a mini Cameron Highlands. With their support, we plan to do better by growing more varieties of flowers and vegetables to meet their needs," he said.

Among the produce available are Chinese cabbage, *pak choy* and celery, while gardening enthusiasts

can pick up vinca flowers and hanging plants.

Mohd Ashraf ventured into agro-tourism in 2020 to raise awareness on the benefits of agriculture.

"Since then, people have been coming in to pick and weigh the vegetables themselves.

"Seeing parents bring their children to my farm makes me happy because here, they are exposed to vegetable farming," said the Universiti Putra Malaysia graduate in human resource development.

Mohd Ashraf has also produced a book on hydroponic techniques, to encourage people to try growing plants at home using recycled items.

"The techniques are actually very simple and farming is profitable too," he added. — Bernama

"Seeing parents bring their children to my farm makes me happy as here, they are exposed to vegetable farming."

Mohd Ashraf Shuib

By YEE XIANG YUN
metro@thestar.com.my

VEGETABLE and fruit farmers in Johor have been hit with high fertiliser prices which may further affect their harvest.

Yong Peng Vegetable Farmers Association chairman Cheng Tai Hwe said the price of urea – a nitrogen-based fertiliser – started increasing since the middle of last year and went up by some 60%.

"The price increase and fertiliser shortage is a worldwide issue where China, considered one of the largest urea producers, cut down on its production and export.

"This has caused the agriculture industry as a whole to suffer because the price of pesticide also went up two-fold.

"Urea is widely used in agriculture and can be considered essential in vegetable and fruit farming, as it promotes growth," he told *StarMetro*.

He said it had been challenging for his sector as many parts of Johor were still recovering from the floods that occurred in late December and early January.

Usually after a flooding incident, especially when a plot of land had been submerged in floodwaters, all the crops were considered dead, said Cheng.

"After waiting for the floodwaters to recede, farmers have to take on time-consuming tasks such as repairing the farm and land before replanting the crops.

"Leafy vegetables usually take at least one-and-a-half months to sow while other types can take about two months," he said, adding that several farmers in Yong Peng were still waiting for their crops to grow since the floods.

Along with the long-standing labour shortage issue, Cheng pointed out that this might also affect the supply of vegetables down the road, resulting in some price changes.

He said some farmers used to have 10 foreign workers but had since cut down that number to three during the Covid-19 pandemic, and this had caused about 70% drop in productivity.

Haim Lim, a pineapple farmer in

'Costly fertiliser' may affect harvest'

Farmers worry urea shortage, price increase will impact vegetable and fruit supplies



Cheng says the price of urea started increasing since the middle of last year.



Lim says he could not get any fertiliser in early January.

Lim sprinkling fertiliser on his farm in Pekan Nanas, Pontian. — THOMAS YONG/The Star

Pekan Nanas, said he was facing similar issues and could not get any fertiliser in early January.

"At one point in January, there were no fertilisers available in Pekan Nanas and I found a 50kg bag of urea fertiliser selling for about RM300 in an e-commerce site.

"A year ago, I could get it for RM90 and later, it went up to RM120 before the price skyrocketed," said Lim, who has been cultivating pineapples for 13 years.

As he tended to his 2.8ha farm alone, he said only a small part of the land was being cultivated presently as he did not have any workers.

"I focus more on downstream

products such as jams, sauces, biscuits and chips.

"As my pineapple farm is quite small, I only need one worker to help me but it is difficult to find one as many foreigners have been 'poached' by the oil palm sector, which can offer up to RM3,500 a month," he said.

Meanwhile, Deputy Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Seri Dr Wee Jeeck Seang said sectors such as oil palm were impacted by the issue as well.

He said the price increase was not only taking place in Malaysia, but also elsewhere as it was a global issue brought on by disrupted production and high logistics cost during the Covid-19 pandemic.

"However, the government has a responsibility to look into the matter and we are in the midst of finding a solution, such as providing subsidies, to ease the burden of those affected, especially the small-holders.

"It will take some time as it involves multiple ministries such as Finance and Agriculture," he added.

Wee explained that fertilisers fell under the purview of the Agriculture and Food Industry Ministry.

"Since the plantation industries use about 60% to 70% of the fertiliser supply in the country, which is much higher compared to vegetable and fruit farmers, my ministry had requested for fertilisers to be placed under us, but the request was not approved.

"But we will still take on this current issue together as a government to find a solution to this challenging matter," he said.